

BAHASA HALUS MASYARAKAT MELAYU DAN IBAN SEBAGAI STRATEGI KESANTUNAN DALAM KONTEKS SILANG BUDAYA

Hamidah Abdul Wahab, Siti Marina Kamil, Rosnah Mustafa, Remmy Gedat & Wan Robiah Hj. Meer
Osman

Universiti Malaysia Sarawak

awhamidah@unimas.my; ksmarina@unimas.my; mrosnah@unimas.my; gremmy@unimas.my;
mowrobiah@unimas.my

ABSTRAK

Bahasa umumnya dapat merepresentasi identiti dan budaya masyarakat penutur. Dalam konteks Malaysia yang berbilang bangsa dan agama, aspek kesantunan bahasa bukan sahaja diterapkan dalam kehidupan harian bagi menjaga keharmonian, malah dapat mencerminkan keperibadian dan budi bahasa sesebuah masyarakat. Penekanan aspek ini juga dilihat amat penting sejajar dengan penerapannya menerusi prinsip kelima dalam rukun negara Malaysia, iaitu kesopanan dan kesusilaan. Meneliti usaha pihak berwajib dalam mengangkat kesopanan dalam agenda kebangsaan, penyelidikan berkaitan kesopanan bahasa dapat dijadikan satu titik tolak kepada penyerlahan budaya masyarakat dan wajar diketengahkan menerusi penyelidikan ilmiah. Dalam hal ini, sungguhpun bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa rasmi dan digunakan secara meluas oleh seluruh warganya, bahasa-bahasa sukuan tetap digunakan dalam komunikasi seharian. Di Sarawak misalnya, dialek Melayu Sarawak dan bahasa Iban merupakan medium perhubungan yang utama lantaran kedua-dua masyarakat ini merupakan antara kaum majoriti. Dalam konteks silang budaya, masyarakat Melayu dan Iban secara am mempunyai pengetahuan, pengalaman, latar belakang, dan kepercayaan yang berbeza, maka wujud pengaruh yang berbeza dalam cara berbahasa bagi penutur. Menerusi kajian ini, bahasa halus yang digunakan oleh penutur Melayu Sarawak dan Iban akan diteliti sebagai satu strategi kesantunan dalam komunikasi. Bahasa halus atau eufemisme merupakan bentuk bahasa kiasan yang dapat digunakan untuk merujuk sesuatu perkara dengan tujuan memberikan kesan makna yang baik, terutamanya perkara atau hal yang diperkatakan itu bersifat buruk, kasar, tabu, dan seumpamanya. Beberapa domain difokuskan dalam kajian ini, antaranya kewanitaian (haid, kehamilan dan kelahiran), hubungan suami isteri (kecurangan dan perceraian), dan kematian. Kaedah lapangan dijalankan di daerah Kuching dan Samarahan melibatkan 10 orang informan bagi mendapatkan data eufemisme yang wujud dan digunakan dalam kedua-dua masyarakat. Kajian ini dijangka dapat memperjelas aspek bahasa halus dalam masyarakat Melayu dan Iban dari perspektif yang lebih menyeluruh, iaitu dari sudut jenis, bentuk, fungsi, dan faktor penggunaannya dalam komunikasi silang budaya. Kajian ini dapat menunjukkan variasi bahasa santun dalam dua kaum utama di Sarawak, selain memaparkan kepentingan kesantunan dalam kehidupan, seperti yang ditekankan dalam dasar negara.

Kata kunci: *bahasa halus, dialek Melayu Sarawak, Iban, silang budaya*

PENDAHULUAN

Ketinggian budi bahasa dalam sesebuah masyarakat dapat dicerminkan menerusi bahasa yang digunakan dalam komunikasi seharian, baik sesama anggota sesebuah komuniti, mahupun antara penutur dalam pelbagai komuniti. Perkataan-perkataan yang menimbulkan kesan positif lazimnya dipilih dan digunakan oleh penutur sebagai satu strategi berbahasa dalam menyampaikan pandangan, hasrat, perasaan, malah berkongsi emosi dan seumpamanya. Dalam masyarakat majmuk di Malaysia misalnya, bahasa Melayu dimaktubkan sebagai bahasa kebangsaan negara menerusi Perlembagaan Malaysia (Perkara 152). Sejajar dengan taraf yang dimilikinya, bahasa Melayu digunakan secara meluas dalam pelbagai domain, termasuklah pendidikan, pekerjaan, dan lain-lain. Bahasa ini juga memainkan peranan yang amat besar dalam menjadi elemen penyatuan dan refleksi identiti negara. Sungguhpun demikian, bahasa-bahasa kaum lain tidak dinafikan kepentingannya, malahan bahasa-bahasa ini tidak dihalang daripada digunakan, dipelajari dan dikembangkan. Bahasa sukuan atau dialek sesuatu kaum juga boleh diamalkan dengan bebas dan turut berperanan sebagai simbol jati diri dan keperibadian bangsa.

Dalam penggunaan bahasa sehari-hari, masyarakat Melayu dan Iban di Sarawak misalnya menggunakan dialek dan bahasa mereka tersendiri, mengikut konteks penggunaan yang berdasarkan domain-domain tertentu. Misalnya dalam situasi tidak formal atau semiformal, Dialek Melayu Sarawak (DMS) digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat Melayu, manakala bahasa Iban (BI) digunakan oleh masyarakat Iban. Bahasa yang menjadi pilihan bagi kedua-dua masyarakat ini apabila berinteraksi antara satu sama lain pula ialah DMS. Pemilihan DMS sebagai medium perantaraan utama didorong oleh faktor kesalingfahaman yang wujud antara kedua-dua kaum melibatkan dialek ini. Komunikasi kedua-dua kaum ini meliputi pelbagai aspek, termasuklah topik-topik yang menggunakan bahasa yang halus, seperti topik kematian, penyakit, kepercayaan sosial, anggota tubuh badan tertentu dan